

TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT VISA SIGNATURE ([Versi Bahasa English](#))

Dikemas Kini pada 10 July 2024

Terma dan syarat Kad Kredit Visa Signature (“**T&S**”) di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pemegang Kad (“**Perjanjian**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”). Dengan mengambil kira perubahan-perubahan seperti tertera di bawah ini, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat T&S ini, maka T&S ini hendaklah diutamakan setakat mana yang terpakai dengan Kad (seperti yang ditakrifkan di sini). Dengan menerima Kad ini, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan Perjanjian.

1. A. Takrifan

Dalam T&S ini, melainkan konteks menghendaki sebaliknya atau melainkan diungkapkan dengan nyata disini, maka ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai pengertian berikut:

- (a) “**Kad**” bermaksud Kad Kredit Visa Signature yang dikeluarkan oleh HLB dan termasuk kad tambahan, jika berkenaan;
- (b) “**Akaun Kad**” bermaksud akaun Pemegang Kad Utama dengan HLB yang dibuka berkenaan Kad;
- (c) “**Pemegang Kad**” bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad Kredit, sama ada Pemegang Kad Utama atau Kad Tambahan, melainkan dinyatakan sebaliknya;
- (d) “**Aplikasi HLB Connect**” bermaksud Perbankan mudah alih HLB Connect.
- (e) “**Pemegang Kad Utama**” bermaksud Pemegang Kad yang kepadanya dikeluarkan Kad Utama;
- (f) “**Kad Utama**” bermaksud Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB kepada Pemegang Kad sebagai Pemegang Kad utama;
- (g) “**Transaksi QR Pay**” bermaksud transaksi runcit dibuat melalui Aplikasi HLB Connect menggunakan QR Pay.
- (h) “**Perbelanjaan Runcit**” merujuk mana-mana pembelian runcit dan dalam talian (termasuk arahan tetap dan Pelan Bayaran 0% Faedah (“**EPP**”)) dilakukan dalam negara dan/atau luar negara (termasuk perbelanjaan yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia (“**RM**”) dan/atau mata wang lain) yang telah berjaya dicaj kepada Kad. Perbelanjaan Runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.

Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** (senarai di bawah ini tidak lengkap dan HLB berhak menentukan sama ada sesuatu transaksi itu terangkum dalam takrif Transaksi Runcit atau Pembelanjaan Runcit):

- (i) pengeluaran tunai melalui apa-apa cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik, kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dsb.);
 - (ii) produk portfolio seperti Pindahan Baki (“**BT**”), Call-For-Cash Plus (“**CFC Plus**”), Call-For-Cash (“**CFC**”) dan Pelan Bayaran Fleksi (“**FPP**”);
 - (iii) transaksi JomPAY dan transaksi berkaitan kerajaan;
 - (iv) Transaksi berkaitan pembayaran bil FPX;
 - (v) transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - (vi) Transaksi QR Pay melalui Aplikasi HLB Connect; dan/atau
 - (vii) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.
- (i) “**RM**” bermaksud Ringgit Malaysia, mata wang sah di Malaysia; dan
 - (j) “**Pemegang Kad Tambahan**” bermaksud individu yang dinamakan oleh Pemegang Kad sebagai Pemegang Kad Tambahan menurut Fasal 22 Perjanjian dan yang kepadanya Kad dikeluarkan oleh HLB.

B. Tafsiran

- (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar mempunyai pengertian sama seperti mana ditakrifkan dalam Perjanjian kecuali ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
- (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
- (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

Program Ganjaran Bonus Plus Points (“Program”)

2. Pemegang Kad layak menyertai Program dan layak memperoleh:
 - (a) Satu perpuhuan lima (1.5) Bonus Plus Points bagi setiap Ringgit Malaysia Satu (RM1) dibilkan kepada Akaun Kad Pemegang Kad Utama bagi semua Perbelanjaan Runcit dalam negara dan transaksi pendahuluan tunai;
 - (b) Dua (2) Bonus Plus Points bagi setiap Ringgit Malaysia Satu (RM1) dibilkan kepada Akaun Kad Pemegang Kad Utama bagi Perbelanjaan Runcit luar negara dan transaksi pendahuluan tunai;
 - (c) Pengumpulan Bonus Plus Points bagi setiap Ringgit Malaysia Satu (RM1) boleh berubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad;
 - (d) T&S ini hendaklah dibaca bersama-sama Terma dan Syarat Program Ganjaran Hong Leong Club yang boleh disemak di www.hlb.com.my/rewards.

Pengecualian Fi Tahunan

3. Pemegang Kad berhak mendapat Pengecualian Fi Tahunan bagi Tahun Pertama sekiranya Pemegang Kad telah melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Perbelanjaan Runcit dengan menggunakan Kad dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad.

Untuk layak mendapat Pengecualian Fi Tahunan bagi tahun seterusnya, Pemegang Kad mestilah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) setahun.

Plaza Premium Lounge (“PPL”)

4. Pemegang Kad berhak menikmati akses tanpa had ke PPL di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).
5. Untuk mendapat akses ke PPL, Pemegang Kad perlu menunjukkan Kad sah dan pas naik pesawat di kaunter pendaftaran PPL.
6. Penggunaan PPL adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh PPL. Terma dan syarat PPL boleh disemak di www.plazapremiumgroup.com
7. HLB tidak mewakili atau memberi jaminan berkenaan PPL dan/atau perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PPL (“Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge”), dan terutamanya, tidak membuat apa-apa jaminan berkenaan kualiti Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge atau kesesuaiannya untuk apa jua tujuan. Begitu juga HLB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad atas apa-apa tindakan atau keciciran Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge.

8. HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan atau kecederaan yang dialami Pemegang Kad ketika berada di dalam PPL pada bila-bila masa.

Rebat Tunai bagi Transaksi Runcit Luar Negara

9. Pemegang Kad Utama layak memperoleh rebat tunai 1% bagi Perbelanjaan Runcit luar negara ("**Rebat Tunai**") asalkan Perbelanjaan Runcit luar negara terkumpul minimum RM10,000 setahun dipenuhi ("**Syarat**"). Bagi mengelakkan keraguan, Syarat iaitu Perbelanjaan Runcit terkumpul sebanyak RM10,000 setahun, adalah termasuk sekali Perbelanjaan Runcit luar negara yang dilakukan oleh Pemegang Kad Tambahan.
10. Perbelanjaan Runcit luar negara terkumpul mestilah dibilkan kepada Akaun Kad Pemegang Kad Utama.
11. Rebat Tunai dikira berdasarkan tahun kalendar, pada setiap 31 Disember, termasuk Transaksi Runcit luar negara yang tercatat pada 31 Disember.
12. Pembayaran Rebat Tunai maksimum dihadkan kepada Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) bagi setiap Akaun Kad setahun.
13. Rebat Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Pemegang Kad Utama pada setiap bulan Februari dan akan dipaparkan dalam kitaran penyata Februari Pemegang Kad Utama.
14. Untuk layak mendapat Rebat Tunai, Kad mestilah sah, aktif, berkedudukan baik dan mesti tidak melanggar mana-mana T&S ini dan/atau Perjanjian pada masa pemberian Rebat Tunai dibuat.

Terma dan Syarat Umum

15. HLB berhak setelah memberi notis awal untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, pengguguran, pengubahsuaian, pindaan atau selainnya) ("**Pindaan**") mana-mana terma dan syarat di dalam ini. Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan itu akan dilaksanakan dengan cara seperti mana ditentukan oleh HLB dalam Perjanjian.
16. Keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Program, PPL, kelayakan untuk mendapat Rebat Tunai dan Pengecualian Fi Tahunan adalah muktamad dan mengikat.
17. Terma dan syarat dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang sedang melayan anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.

Insurans

18. Pemegang Kad Utama akan menikmati perlindungan insurans Kemalangan dan Kesulitan Perjalanan percuma sehingga Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) untuk Pemegang Kad Utamal dan sehingga Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) secara agregat untuk keluarga Pemegang Kad Utama apabila Pemegang Kad Utama mengenakan tambang penerbangannya kepada Kad, tertakluk kepada terma dan syarat [[Polisi Kemalangan Peribadi Insurans Perjalanan Automatik - Signature](#)].
19. Insurans ini disediakan oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("**MSIG**"). Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan MSIG di 1-800-88-6744/ 1-800-88-6163.